



KENYATAAN MEDIA

YAB MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN

AKTIVITI DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DI NEGERI PERAK SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Selaras dengan pengumuman yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara mengenai Standard Operating Procedure (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi negeri-negeri yang terlibat, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa aktiviti keagamaan di Rumah Ibadat Bukan Islam adalah dibenarkan mengikut had kehadiran yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Perak telah menetapkan garis panduan aktiviti di Rumah Ibadat Bukan Islam di Negeri Perak seperti ketetapan berikut:

1. Beroperasi dengan had maksima 30 orang pada suatu-suatu masa tertakluk kepada keluasan rumah ibadat dengan penjarakan fizikal 1 meter wajib dipatuhi.
2. Waktu beroperasi rumah ibadat adalah antara jam 7.00 pagi hingga jam 10.00 malam.
3. Aktiviti di Rumah Ibadat Bukan Islam ini mestilah mematuhi SOP Pembukaan Rumah Ibadat yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu
YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan**

Jumaat, 13 November 2020